

# Anwar mulakan lawatan kerja ke Turkiye hari ini

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri dijadual memulakan lawatan rasmi ke Turkiye hari ini dan esok sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh hubungan dua hala di antara Malaysia dan Turkiye yang sudah lama terjalin.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata sepanjang lawatan rasmi itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden Recep Tayyip Erdogan serta bersama-sama mempengerusikan Majlis Kerjasama Strategik Tahap Tinggi

(HLSC) antara kedua-dua negara.

"Penubuhan mekanisme ini mencerminkan komitmen bersama Malaysia dan Turkiye dalam meningkatkan kerjasama strategik secara lebih tersusun dan menyeluruh," katanya menerusi Taklimat Pejabat Perdana Menteri disiarkan di Facebook Perdana Menteri, semalam.

Lawatan itu, katanya, turut



*Tunku Nashrul Abaidah*

merangkumi perbincangan mengenai kerjasama dalam pelbagai bidang, iaitu perdagangan dan pelaburan, industri pertahanan, teknologi, pendidikan serta hubungan antara rakyat.

Katanya, Perdana Menteri juga dijadual menyampaikan syarahan umum dan mengadakan sesi libat urus bersama komuniti perniagaan Turkiye serta diaspora Malaysia.

"Selain program rasmi di An-

kara, lawatan Ke Istanbul akan memberi tumpuan kepada pengukuhan kerjasama ekonomi melalui sesi meja bulat bersama syarikat Turkiye, di samping berinteraksi bersama media bagi menjelaskan hala tuju hubungan Malaysia-Turkiye," katanya.

Secara keseluruhan, beliau berkata, lawatan rasmi itu mencerminkan keazaman kerajaan untuk terus memperluas jaringan kerjasama antarabangsa yang strategik, pragmatik dan berorientasikan hasil, berteraskan prinsip Malaysia MADANI demi manfaat

jangka panjang rakyat dan negara.

Ini lawatan kerja ketiga Anwar ke Turkiye sejak menjadi Perdana Menteri, dengan kali pertama pada Februari 2023, bagi meninjau serta menzahirkan komitmen Malaysia membantu rakyat Turkiye yang terkesan dengan malapetaka gempa bumi.

Lawatan seterusnya Anwar ke negara Eropah itu adalah pada Oktober 2023, memberi tumpuan kepada misi kemanusiaan bagi membantu penduduk Palestin khususnya di rantau berkonflik di Gaza.